

Strategi Eksplisitasi Pengkhususan Leksikal dalam Terjemahan Al-Quran: Kajian Terhadap Majāz Mursal oleh Mahmud Yunus

[The Strategy of Lexical Specialization Explicitation in Quran Translation: A Study on Majāz Mursal by Mahmud Yunus]

Nasimah Abdullah¹ & Saifulah Samsudin²

- ¹ (Corresponding Author) Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Kajang, Malaysia. E-mail: nasimah@uis.edu.my.
- ² Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Kajang, Malaysia. E-mail: saifulah@uis.edu.my.

ABSTRACT

Mahmud Yunus is a distinguished expert in Quranic studies and interpretation. One of his significant contributions is translating the meaning of the Quran into Malay, known as Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani. This work has become a primary reference for the Malay world, including Indonesia, Malaysia and Brunei. Most previous studies on this scholar and his work have highlighted his prominence and the exegetical methods he employed in interpreting Quranic verses. However, research that examines Mahmud Yunus' translation approach from the perspective of modern Western translation theories remains exceedingly rare. Therefore, this study aims to explore the translation approach employed by Mahmud Yunus by utilising one of the explicitation strategies, namely lexical specification, as proposed by Klaudy and Károly in 2005, who view explicitation as a translation strategy that can reveal the implicit meaning present in the source language into the target language due to contextual factors. This study's primary focus is on using the rhetorical device majāz mursal (synecdoche) exclusively. This study adopts a qualitative approach and utilises purposive sampling methods. The data comprises verses 36 from Surah Yusuf, verse 31 from Surah al-A'rāf, verse 2 from Surah Yunus, verse 50 from Surah Maryam, verse 84 from Surah al-Syu'arā', verse 40 from Surah Tāhā, verse 13 from Surah al-Qaṣaṣ, verse 7 from Surah Nuh, and verse 6 from Surah al-Mā'idah. The study reveals that Mahmud Yunus plays a crucial role in conveying the implicit meanings inherent in the style of the Quranic majāz mursal by employing the strategy of explicitness through lexical specification. By utilising this explicitation approach, it can be seen that Mahmud Yunus strives to preserve the implicit meanings found in the source language (Arabic) to align with its inherent rhetorical nuances.

Keywords: *Explicitation Strategy; Lexical Specialization; Synecdoche; Mahmud Yunus*

ABSTRAK

Mahmud Yunus adalah seorang ulama terkemuka dalam bidang al-Quran dan tafsirnya. Salah satu sumbangan penting beliau adalah terjemahan makna al-Quran ke dalam bahasa Melayu, yang dikenali sebagai “Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani”. Karya ini dijadikan sumber rujukan utama bagi masyarakat di Alam Melayu, termasuk di Indonesia, Malaysia, dan Brunei. Sebahagian besar kajian terdahulu mengenai ulama ini dan karyanya menonjolkan ketokohan serta metode tafsir beliau terhadap ayat-ayat al-Quran. Namun, kajian yang menyoroti pendekatan terjemahan Mahmud Yunus dari sudut pandang teori terjemahan moden Barat masih sangat jarang dilakukan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah mengkaji pendekatan terjemahan yang diterapkan oleh Mahmud Yunus dengan menggunakan salah satu strategi eksplisitasi, iaitu pengkhususan leksikal seperti yang dicadangkan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005 yang melihat eksplisitasi sebagai satu strategi dalam terjemahan yang boleh menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor konteks. Tumpuan utama kajian ini adalah terhadap penggunaan gaya bahasa majāz mursal sahaja. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Data kajian merangkumi ayat 36 dari surah Yusuf, ayat 31 dari surah al-A’rāf, ayat 2 dari surah Yunus, ayat 50 dari surah Maryam, ayat 84 dari surah al-Syu’arā’, ayat 40 dari surah Tāhā, ayat 13 dari surah al-Qaṣaṣ, ayat 7 dari surah Nuh dan ayat 6 dari surah al-Māidah. Kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus berperanan besar dalam menyampaikan makna tersirat yang terdapat dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran dengan menerapkan strategi eksplisitasi melalui pengkhususan leksikal. Melalui strategi ini, dapat dilihat bahawa Mahmud Yunus berusaha mempertahankan makna tersirat yang terdapat dalam bahasa sumber (Arab) agar sesuai dengan kehalusan retorik yang ada.

Kata Kunci : Strategi Eksplisitasi, Pengkhususan Leksikal, Majaz Mursal, Mahmud Yunus

How to Cite:

Received: 16-9-2024

Revised: 11-11-2024

Accepted: 17-11-2024

Published: 20-11-2024

Abdullah, N. & Samsudin, S. (2024). Strategi Eksplisitasi Pengkhususan Leksikal Dalam Terjemahan Al-Quran: Kajian Terhadap Majāz Mursal Oleh Mahmud Yunus. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 5(2), 93-114.

1. Pendahuluan

Al-Quran diturunkan secara berperingkat dalam bahasa Arab kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril, dan membacanya dianggap sebagai

satu bentuk ibadat bagi umat Islam. Penurunan al-Quran juga secara tidak langsung telah menyebarkan bahasa Arab ke seluruh pelosok dunia. Al-Quran bukan sahaja berperanan dalam memelihara kelangsungan bahasa Arab, menyatukan pelbagai dialek, dan memperluaskan penyebarannya ke seluruh dunia, tetapi juga memperkayakan kosa kata, memperluas makna, meningkatkan gaya bahasa, serta menyumbang kepada perkembangan sastera Arab (Hadi, 2015).

Hal ini bermaksud bahawa al-Quran mempunyai pelbagai keistimewaan dan kemukjizatannya. Untuk memahami gaya bahasa al-Quran, pelbagai ilmu diperlukan seperti ulum al-Quran dan tafsir al-Quran (Purba, 2016), selain harus menguasai ilmu hadis, *asbāb al-Nuzūl*, *Qirāāt* dan ilmu *usuluddin* (Amar, 2007: 184-186). Dengan erti kata lain, untuk memahami al-Quran perlu memahami ulum al-Quran iaitu perbahasan yang berkait secara langsung dengan makna ayat, seperti sebab penurunan ayat, konteks penurunannya, maksud ayat, dan hal-hal yang berkaitan (Maher, 2023).

Di samping itu, komuniti Islam bukan Arab dan tiada pengetahuan dalam bahasa Arab juga memerlukan terjemahan makna al-Quran untuk membantu mereka memahami kandungan dan mesejnya (Abdullah, 2015; Abdullah, 2020). Teks terjemahan tersebut berperanan sebagai medium untuk memahami isi kandungan al-Quran atau sebagai rujukan tambahan kepada teks asal al-Quran dalam bahasa Arab (Abdul-Raof, 2001: 1). Atas faktor tersebut, al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa-bahasa lain di dunia seperti Inggeris, Jerman, Parsi, Perancis, Belanda, Turki dan Urdu (Zadeh, 2015; Halimah, 2014; Heri, 2012). Keadaan ini menunjukkan bahawa terjemahan al-Quran ke dalam pelbagai bahasa sangat penting bagi komuniti Islam yang tidak menguasai bahasa Arab.

Jika kita mengkaji sejarah penyebaran Islam di alam Melayu Nusantara, dapat dilihat bahawa al-Quran mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat Melayu. Malah, pegangan mereka terhadap al-Quran dan Islam jauh lebih kukuh berbanding semasa mereka menganut agama lain seperti Buddha dan Hindu (Al-Attas, 1972). Hal ini tidaklah menghairankan memandangkan kemunculan para ulama Melayu Nusantara yang berperanan penting dalam penyebaran dan perjuangan Islam, terutamanya dalam bidang tafsiran al-Quran. Antaranya ialah Syeikh Abd al-Rauf al-Fansuri yang muncul di Aceh, Indonesia pada abad ke-17 Masihi (Yusuff et al., 2021), dan Syeikh Muhammad Sa'id bin Umar yang muncul di Kedah, Malaysia pada abad ke-19 Masihi (Yusuff & Sahad, 2013; Nasimah & Mohamed, 2022), serta tokoh-tokoh lain.

Pada abad ke-20 Masihi, muncul Mahmud Yunus dari Sumatera Barat, Indonesia, yang sangat terkenal dalam bidang pendidikan Islam (Eka Srimulyani, 2011), bidang al-Quran dan tafsirnya (Ahmad & Mawardi, 2014)

serta bidang-bidang lain. Salah satu usaha penting beliau adalah terjemahan makna al-Quran ke dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai "Tafsir al-Quran al-Karim". Usaha awal terjemahan ini bermula pada November 1922 melalui artikel dalam Majalah Tafsir al-Quran yang diterbitkan secara berkala, namun tergendala dari tahun 1924 hingga 1936 ketika beliau melanjutkan pengajian ke Mesir (Ahmad et al., 2012). Sepulangnya ke Indonesia, beliau meneruskan terjemahan al-Quran dengan bantuan H. Ilyas Muhammad Ali dan H.M.K. Bakry, dan akhirnya terjemahan lengkap 30 juzuk al-Quran diselesaikan pada tahun 1938 (Ahmad et al., 2012). Teks ini diberi nama "Tafsir al-Quran al-Karim Rasm Majid".

Terjemahan makna al-Quran ini dijadikan rujukan oleh masyarakat di Nusantara, bukan sahaja di Indonesia, tetapi juga di Malaysia dan Brunei. Teks terjemahan ini diterbitkan oleh Klang Book Centre di Malaysia dengan izin pencetak di Indonesia, dan telah dicetak semula beberapa kali di Malaysia, dengan cetakan terakhir pada tahun 2008. Edisi cetakan ini diberi nama "Tafsir al-Quran al-Karim Rasm Uthmani".

Penelitian tentang Mahmud Yunus dan karyanya sebelum ini lebih banyak menonjolkan peranannya serta metode pentafsirannya terhadap ayat-ayat al-Quran dalam konteks pengajian Islam. Namun, kajian mengenai pendekatan terjemahannya dari sudut pandang teori terjemahan moden Barat masih jarang ditemui. Dengan sebab itu, kajian ini dilakukan untuk mengkaji pendekatan terjemahan yang diterapkan oleh Mahmud Yunus dengan menggunakan salah satu strategi eksplisitasi, iaitu pengkhususan leksikal seperti yang dicadangkan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005 yang melihat eksplisitasi sebagai satu strategi dalam terjemahan yang boleh menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor konteks. Kajian ini memberi tumpuan kepada gaya bahasa majāz mursal, dengan justifikasi bahawa ia adalah salah satu ungkapan figuratif atau majāzi yang tidak boleh diterjemahkan hanya dengan mempertimbangkan tahap semantik perkataan, frasa, atau ayat tanpa mengambil kira konteks penggunaannya (Ainon & Abdullah, 2006).

2. Tinjauan Persuratan

Penulis membahagikan perbincangan tentang tinjauan persuratan kepada dua sudut, iaitu: i) kajian terdahulu tentang Tafsir Mahmud Yunus, dan ii) kajian terdahulu mengenai terjemahan majāz mursal.

2.1 Kajian Terdahulu Tentang Tafsir Mahmud Yunus

Salah satu kajian awal mengenai Mahmud Yunus ialah kajian Eka Srimulyani (2011) yang menganalisis idea reformasi oleh Mahmud Yunus dalam pendidikan dan pengajaran bahasa Arab melalui penulisan kamus dan buku teks seperti Kamus Arab-Indonesia, Buku Teks Bahasa Arab yang dinamakan *Durus al-Lughah al-'Arabiyyah*, serta sebuah buku khusus tentang pengajaran bahasa Arab sebagai panduan kepada guru.

Kajian seterusnya oleh Ahmad et al. (2012) yang menyoroti ketokohan Mahmud Yunus melalui penampilan latar belakang serta usahanya dalam menghasilkan karya “Tafsir al-Quran al-Karim Rasm Uthmani”. Kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus menerapkan lapan metode dalam memberi interpretasi terhadap ayat al-Quran, seiring dengan kaedah ulama tafsir yang lain. Metode-metode tersebut termasuklah mentafsirkan ayat al-Quran dengan i) al-Quran, ii) hadis, iii) pandangan sahabat, iv) pandangan tabi'in, v) akal, vi) makna kata-kata, selain vii) penggunaan kata-kata pepatah dan viii) penggunaan kisah-kisah.

Kajian mengenai Mahmud Yunus kemudiannya disusuli oleh Eficandra et al. (2013) yang menganalisis pemikiran fiqhnya daripada 17 karyanya yang masyhur. Kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus merupakan seorang ulama perintis Islam di Indonesia yang terkenal bukan sahaja sebagai tokoh dalam bidang tafsir al-Quran, tetapi juga sebagai figura penting dalam bidang pendidikan dan fiqh. Pemikiran fiqh Mahmud Yunus menunjukkan bahawa beliau membahaskan pelbagai aspek kajian dan kandungan ilmu fiqh, terutama yang bersifat dasar dan praktikal. Isu-isu fiqh semasa turut mendapat perhatian dalam perbincangannya. Perbahasan fiqh serta contoh-contoh yang beliau kemukakan disampaikan dengan bahasa yang sederhana dan mudah difahami sesuai dengan tahap, tujuan, dan sasaran karya-karyanya. Rujukan, perbandingan, pandangan, dan ulasan beliau tidak terbatas kepada empat mazhab sahaja, tetapi turut merangkumi mazhab-mazhab lain. Di samping itu, beliau juga mengambil pendapat ulama kontemporari dunia untuk dianalisis dengan tujuan mencapai kemaslahatan dan menghindari kemudaratan bagi umat.

Kajian lain daripada Abdullah (2017) pula membincangkan kohesi dalam tafsir Mahmud Yunus dengan objektif mengkaji kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab kepada bahasa Melayu. Kajian ini berasaskan hanya 11 sampel terjemahan ayat al-Quran, dan kajian ini mendapati bahawa terdapat empat sampel yang tidak sepadan dengan kata ganti nama Arab yang mengakibatkan kurangnya ketenunan atau kohesi dalam teks, serta menghasilkan wacana yang kurang mantap. Ayat tersebut ialah surah Nuh ayat 7, surah al-Taubah ayat 67, surah al-Sajadah ayat 12 dan surah

al-Baqarah ayat 19. Sementara itu, tujuh sampel yang lain menunjukkan adanya kesepadanan dalam terjemahan kata ganti nama diri dari bahasa Arab kepada bahasa Melayu yang berjaya menghasilkan wacana yang mantap. Hal ini disebabkan oleh adanya keserasian hubungan antara unsur-unsur linguistik dalam sesuatu wacana. Ayat tersebut ialah surah al-Hijr ayat 88, surah Ali-Imran ayat 118, surah al-Kahfi ayat 42, surah Ibrahim ayat 4, surah al-Furqan ayat 27, surah al-Maaidah ayat 38 dan surah at-Taubah ayat 40.

2.2 Kajian Terdahulu Mengenai Terjemahan Majāz Mursal al-Quran

Menurut *Kamus Kesusasteraan* (2015), majāz mursal didefinisikan sebagai salah satu bahagian al-majāz yang digunakan oleh orang Arab untuk memperindahkan makna sesuatu perkataan dan menjadikan wacana lebih menarik. Majāz mursal mempunyai pelbagai hubungan yang tidak sepadan dengan kata iringan (*qarīnah*) yang boleh dilihat atau disebut dalam ayat.

Antara hubungan tersebut adalah seperti hubungan separa (علاقة جزئية), hubungan keseluruhan (علاقة كلية), hubungan sebab atau punca (علاقة سببية), hubungan kesan atau akibat (علاقة مسببية), hubungan berkaitan dengan perkara yang telah berlaku (اعتبار ما كان), hubungan berkaitan dengan perkara yang belum berlaku (اعتبار ما سيكون), hubungan tempat (علاقة محلية), hubungan keadaan (علاقة حالية) dan hubungan alat (علاقة آلية) (Bakri, 2001; Kaathi', 2008; al-Zarkasyi, 2001). Hubungan antara makna asal dengan makna diingini dalam majāz mursal tidak didasarkan pada unsur penyerupaan seperti dalam gaya bahasa isti'ārah. Sebaliknya majāz mursal ini mengandungi hubungan dari segi makna ujaran.

Oleh kerana majāz mursal adalah salah satu bentuk ungkapan al-majāz, ia pastinya mengandungi makna tersirat yang memerlukan interpretasi yang melangkaui makna literal. Makna tersirat ialah makna implisit atau makna yang tidak dinyatakan secara terang-terangan (Baharom et. al., 2015: 571). Gangguan makna boleh berlaku sekiranya makna tersirat yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal tidak diterjemahkan dengan jelas dalam teks sasaran (Abdullah et al., 2020c).

Menurut Hasan (2007), penterjemah perlu menerjemahkan informasi implisit agar mesej dalam teks sumber dapat disampaikan dengan jelas dalam teks sasaran. Pandangan ini selaras dengan Larson (1989) yang menyatakan bahawa maklumat implisit adalah maklumat yang tiada bentuk tertentu, tetapi ia adalah sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang ingin disampaikan oleh penutur atau penulis. Pandangan Larson ini sepadan dengan

ciri-ciri yang ada pada hubungan-hubungan tidak setara yang ada dalam gaya bahasa majāz mursal. Faktor hubungan yang terdapat pada gaya bahasa majāz mursal itulah sebenarnya yang membentuk sebahagian daripada komunikasi keseluruhan yang perlu dieksplisitkan dalam bahasa sasaran agar maksud asal teks sumber boleh difahami dengan betul.

Menurut kajian dalam bidang ilmu terjemahan, bentuk makna implisit boleh ditangani dengan menerapkan strategi terjemahan tertentu (Syed Nurulakla Syed Abdullah, 2015: 13). Secara empirikal, makna implisit yang terkandung dalam ungkapan majāz mursal juga boleh dijelaskan dalam teks sasaran melalui penggunaan strategi penterjemahan tertentu. Salah satu strategi yang boleh digunakan untuk menzahirkan makna implisit dalam ungkapan majāz mursal dalam al-Quran ialah strategi eksplisitasi.

Terdapat satu makalah yang ditulis oleh Abdullah et al. (2020c) yang mengkaji literatur mengenai terjemahan majāz mursal ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa kebanyakan perbincangan tentang penterjemahan *majāz mursal* dalam bahasa Melayu tidak dibincangkan secara terperinci, sebaliknya lebih banyak dibincangkan secara umum dalam konteks isu makna figuratif, *musyakalah*, konteks terjemahan, tahap kebolehbacaan teks, dan kesepadanan formal. Dapatan juga menyatakan bahawa kajian-kajian terdahulu menggunakan strategi penterjemahan tertentu dalam menterjemahkan majāz mursal berdasarkan faktor-faktor tertentu.

Antara kajian terdahulu yang membincangkan terjemahan majāz mursal al-Quran secara khusus adalah Hermawan (2015) dan Abdullah (2019). Hermawan (2015) membuat perbandingan terjemahan *majāz mursal* al-Quran antara dua teks terjemahan bahasa Sunda. Kajian tersebut mendapati bahawa dalam terjemahan Hasim, sebanyak 45.71% terjemahan majāz mursal sesuai dengan dasar-dasar balāghah dan pendapat mufassir, manakala 54.29% lagi tidak sesuai. Bagi terjemahan Pemda Jabar, 40% terjemahan adalah selaras dengan dasar-dasar balāghah dan pendapat mufassir, sementara 60% lagi tidak sesuai. Kajian ini merumuskan bahawa ketidaksesuaian dalam terjemahan memberi kesan terhadap kualiti terjemahan, menyebabkan kehilangan makna bahasa sumber dan menghalang mesej bahasa sumber daripada sampai kepada bahasa penerima.

Manakala kajian Abdullah (2019) pula membuat perbandingan terjemahan majāz mursal al-Quran antara tiga teks terjemahan bahasa Melayu yang dihasilkan oleh Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan. Kajian ini mengemukakan 5 (data) data majāz mursal sebagai contoh kehilangan makna dalam teks terjemahan iaitu ayat 2 surah al-Nisā', ayat 26 surah al-A'raf, ayat 74 surah Taha, ayat 13 surah Ghafir dan ayat 27 surah Nuh. Kajian ini merumuskan bahawa penterjemah gagal menyampaikan maksud yang dimaksudkan dengan tepat disebabkan terlalu bergantung kepada

terjemahan literal, yang mengakibatkan kehilangan makna majāz mursal dalam terjemahan.

Kajian lain berkaitan terjemahan majāz mursal al-Quran ialah Abdullah et al. (2020a) yang menganalisis teks terjemahan Abdullah Basmeih dan Mahmud Yunus untuk mengkaji kaedah yang diaplikasikan dalam menterjemah majāz mursal al-Quran. Empat ayat al-Quran yang mengandungi majāz mursal dengan hubungan kesan atau akibat (*musabbab*) dipilih untuk dianalisa iaitu ayat 174 dan ayat 221 daripada surah al-Baqarah, ayat 10 surah al-Nisaa' dan ayat 41 surah Ghafir. Kajian ini mendapati bahawa terdapat terjemahan yang tidak memenuhi kehendak makna sebenar mesej al-Quran disebabkan penggunaan pendekatan literal. Kajian ini mencadangkan agar strategi penterjemahan lain diterapkan supaya makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan dengan tepat kepada pembaca sasaran.

Selain itu terdapat kajian lain oleh Abdullah et al. (2021) yang mengkaji kaedah yang diaplikasikan oleh teks terjemahan al-Quran oleh Abdullah Basmeih dan Mahmud Yunus dengan memilih sembilan ayat al-Quran yang mengandungi *majāz mursal* daripada kategori hubungan *musabbab*. Data korpus ialah ayat 174 dan 221 daripada surah al-Baqarah, ayat 10 surah al-Nisaa', ayat 6 surah al-Maidah, ayat 26 surah al-'A'raf, ayat 98 surah al-Nahl, ayat 41 surah al-Qasas dan ayat 13 serta 41 surah Ghafir. Kajian ini mendapati bahawa terdapat terjemahan yang tidak memenuhi kehendak makna sebenar mesej al-Quran akibat penggunaan pendekatan literal. Kajian ini turut mencadangkan agar strategi penterjemahan lain digunakan bagi memastikan makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan dengan tepat kepada pembaca sasaran.

Berdasarkan empat sorotan kajian lepas tersebut, dapat diperhatikan bahawa kajian Hermawan (2015) tidak sama dengan kajian semasa penulis dari sudut korpus kajian yang berlainan sama sekali. Kajian Abdullah (2019), Abdullah et al. (2020a) dan Abdullah et al. (2021) juga berlainan dengan kajian semasa penulis dari sudut data yang akan dianalisis yang berbeza sama sekali walaupun ketiga-tiga kajian tersebut menganalisis terjemahan Mahmud Yunus.

Manakala kajian dari segi penggunaan strategi eksplisitasi dalam menterjemahkan majāz mursal pula adalah daripada Abdullah et al. (2020b) yang bertujuan meneliti bentuk eksplisitasi yang terdapat dalam terjemahan gaya bahasa majāz mursal dalam al-Quran. Kajian ini memilih tujuh majāz mursal al-Quran sebagai sampel kajian iaitu ayat 107 surah Ali Imran, ayat 2 surah al-Nisā', ayat 43 surah al-Baqarah, ayat 174 surah al-Baqarah, ayat 2 surah Yunus, ayat 40 surah Ṭaha dan ayat 82 surah Yusuf. Korpus kajian adalah terjemahan yang dilakukan oleh Abdullah Basmeih dan Mahmud Yunus serta terjemahan terbitan Hidayah House of Quran dan Yayasan Restu. Hasil kajian menunjukkan bahawa terjemahan gaya bahasa majāz mursal

dalam al-Quran menggunakan pelbagai bentuk eksplisitasi untuk memberikan penjelasan yang lebih jelas kepada pembaca sasaran mengenai makna al-Quran, seperti pengkhususan, penambahan maklumat, maklumat tambahan dalam kurungan, dan nota kaki.

Kajian oleh Samsudin et al. (2020) bertujuan untuk meneliti terjemahan majāz mursal al-Quran ke dalam bahasa Melayu bagi menilai kesesuaian maksud sebenar mesej al-Quran dengan teks terjemahan oleh Abdullah Basmeih. Lima ayat al-Quran dari surah al-Baqarah yang mengandungi majāz mursal dipilih untuk dianalisis, iaitu ayat 19, 43, 174, 221 dan 232. Berdasarkan lima data yang dikaji, kajian ini mendapati bahawa teks terjemahan tersebut tidak konsisten dalam penggunaan teknik penterjemahan majāz mursal. Sebahagian sampel diterjemah secara literal, manakala sebahagian lagi menggunakan pendekatan eksplisitasi. Penterjemahan majāz mursal secara literal gagal untuk menyampaikan makna implisit yang terkandung dalam frasa majāz mursal yang terdapat dalam sampel-sampel kajian.

Seterusnya kajian oleh Abdullah dan Samsudin (2022) membandingkan strategi yang digunakan oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran dalam penterjemahan majāz mursal al-Quran. Kajian ini mendapati bahawa 13 daripada 48 data terjemahan majāz mursal menunjukkan ketidaksamaan pendekatan terjemahan. Terdapat juga penggunaan pendekatan kata demi kata yang menyebabkan kesepadanan makna dengan teks sumber tidak tercapai. Walau bagaimanapun kedua-dua teks tersebut berusaha untuk menahirkan makna implisit dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran melalui pelbagai strategi eksplisitasi. Kajian ini merumuskan bahawa strategi-strategi yang digunakan terbukti mampu menyampaikan makna implisit yang terkandung dalam majāz mursal al-Quran.

Kajian terkini oleh Zainuddin et al. (2023) pula menilai keberkesanan strategi eksplisitasi dalam menahirkan makna implisit dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran, khususnya yang berkaitan dengan hubungan perkara yang telah terjadi (*ītibar mā kāna*). Empat teks terjemahan al-Quran iaitu terjemahan al-Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Abdullah Basmeih dan Yayasan Restu dijadikan korpus. Data korpus terdiri daripada ayat 232 dan 234 surah al-Baqarah, ayat 2 dan 12 surah al-Nisa', ayat 65 surah Yusuf dan ayat 74 surah Taha. Berdasarkan enam data, kajian ini menemui bahawa strategi eksplisitasi yang diaplikasikan berjaya menahirkan makna implisit dalam gaya bahasa majāz mursal berkaitan perkara yang telah terjadi berbanding dengan kaedah literal yang menyebabkan kehilangan makna majāz mursal dalam teks terjemahan.

Berdasarkan empat sorotan kajian lepas tersebut yang mengaplikasikan strategi eksplisitasi dalam analisis teks terjemahan majāz mursal al-Quran,

dapat diperhatikan bahawa kajian Samsudin et al. (2020), Abdullah dan Samsudin (2022) dan Zainuddin et al. (2023) berlainan sama sekali dengan kajian semasa penulis dari sudut korpus kajian. Manakala kajian Abdullah et al. (2020b) pula sama dari segi korpus kajian iaitu teks terjemahan Mahmud Yunus tetapi kajian semasa penulis akan menganalisis data yang berbeza.

Boleh dirumuskan daripada lapan sorotan kajian lepas bahawa terjemahan majāz mursal al-Quran kepada bahasa Melayu yang menerapkan strategi eksplisitasi masih lagi terbatas. Kajian-kajian tersebut juga membuktikan bahawa strategi eksplisitasi adalah satu pendekatan penterjemahan yang boleh diaplikasikan dalam kerangka penterjemahan Arab-Melayu secara umum, dan khususnya sesuai untuk diterapkan dalam terjemahan teks keagamaan. Dengan penerapan strategi ini, terjemahan yang memudahkan pemahaman pembaca dan yang kurang membantu pemahaman mereka terhadap teks terjemahan dapat dikenalpasti.

3. Metodologi kajian

Kajian ini merupakan kajian kepustakaan yang bersifat kualitatif dengan menggunakan teknik persampelan berasaskan tujuan. Menurut Ahmad Sunawari Long (2016: 84), persampelan adalah satu teknik untuk memilih subjek daripada populasi yang dijadikan sampel kajian. Manakala, persampelan berasaskan tujuan merujuk kepada pemilihan sampel kajian berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan oleh penyelidik yang sesuai dengan objektif kajian (Ahmad Sunawari Long, 2016: 86). Dalam kajian ini penyelidik hanya memfokuskan ayat 36 surah Yusuf, ayat 31 surah al-A'rāf, ayat 2 surah Yunus, ayat 50 surah Maryam, ayat 84 surah al-Syu'arā', ayat 40 surah Tāhā, ayat 13 surah al-Qaṣaṣ, ayat 7 surah Nuh dan ayat 6 surah al-Māidah. Penyelidikan kualitatif dalam kajian ini tertumpu kepada analisis teks yang diterangkan secara deskriptif.

Oleh kerana kajian ini merupakan kajian dalam bidang linguistik terapan atau gunaan iaitu menjurus kepada bidang pengajian terjemahan, maka kajian ini mengaplikasikan strategi eksplisitasi yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005 dengan memberi fokus kepada bentuk pengkhususan leksikal. Strategi ini dipilih dengan justifikasi bahawa kedua-dua sarjana ini melihat eksplisitasi sebagai satu strategi dalam terjemahan yang boleh menzahirkan makna implisit yang terdapat dalam bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran atas faktor konteks. Tuntasnya, justifikasi penggunaan strategi ini dalam analisis data adalah kerana makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa majāz mursal sebenarnya mempengaruhi keputusan pengeksplisitan yang dilaksanakan dalam penterjemahan.

Sebenarnya, istilah “eksplisitasi” telah diguna pakai dalam konsep ilmu pengajian terjemahan yang merujuk kepada strategi atau prosedur dalam terjemahan. Secara khususnya istilah “eksplisitasi” dalam bidang pengajian terjemahan merujuk kepada satu bentuk peralihan (*shift*) dalam terjemahan daripada makna implisit dalam teks bahasa sumber kepada makna eksplisit dalam teks bahasa sasaran (Murtisari, 2016). Makna implisit merujuk kepada makna yang tidak dinyatakan dengan jelas atau makna yang tersirat (Baharom et al., 2015: 571), manakala makna eksplisit pula bermaksud makna yang dinyatakan dengan terang, atau makna yang tersurat atau makna yang tidak dikias-kias (Baharom et al., 2015: 382). Namun, tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan strategi eksplisitasi secara berlebihan kadangkala boleh menyebabkan terjadinya kelewahan.

Klaudy dan Károly (2005: 3) mengemukakan ciri-ciri pengeksplisitan melalui beberapa keadaan seperti i) apabila unit makna umum digantikan dengan unit bahasa sasaran yang lebih spesifik, ii) makna unit yang dibahagikan kepada beberapa unit kecil, iii) teks sasaran yang menampilkan penambahan elemen baharu makna, iv) struktur yang dibahagikan kepada dua atau lebih dalam teks sasaran dan v) frasa yang dipertingkatkan menjadi klausa dalam bahasa sasaran.

Begitu juga Klaudy dan Károly (2005: 15) turut mengutarakan operasi pemindahan standard pengeksplisitan iaitu i) pengkhususan leksikal (*lexical specification*), ii) pembahagian leksikal (*lexical division*), iii) penambahan leksikal (*lexical addition*), iv) pengkhususan tatabahasa (*grammatical specification*), v) peningkatan tatabahasa (*grammatical elevating-raising*) dan vi) penambahan tatabahasa (*grammatical addition*). Boleh dikatakan bahawa kajian mereka berdua ini menampilkan elemen teknikal pengeksplisitan secara terperinci. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan bentuk pengkhususan leksikal sahaja.

Pengkhususan leksikal adalah salah satu operasi pemindahan standard yang diutarakan oleh Klaudy dan Károly (2005) yang terhasil daripada ciri eksplisitasi di mana unit makna umum ditukarkan dengan unit bahasa sasaran yang lebih khusus. Idris (2016) mendefinisikan pengkhususan sebagai bentuk penggantian item teks sumber dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan makna yang terdapat dalam bahasa sasaran.

4. Perbincangan

Dalam bahagian ini penulis akan mengemukakan sembilan sampel yang menunjukkan pendekatan Mahmud Yunus dalam usaha memindahkan makna implisit yang terdapat pada gaya bahasa majāz mursal al-Quran. Sembilan sampel tersebut ialah ayat 36 surah Yusuf, ayat 31 surah al-A’rāf, ayat 2 surah

Yunus, ayat 50 surah Maryam, ayat 84 surah al-Syu'arā', ayat 40 surah Tāhā, ayat 13 surah al-Qaṣaṣ, ayat 7 surah Nuh dan ayat 6 surah al-Māidah. Data-data ini menunjukkan pendekatan Mahmud Yunus dalam mentafsirkan ayat berkaitan majaz mursal adalah bertetapan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Bagi memudahkan analisis, data terjemahan yang mengandungi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal akan diberi tanda dengan garisan di bawah.

Contoh 1:

Firman Allah SWT:

وَدَخَلَ مَعَهُ السِّجْنَ فَتَيَانٍ قَالَ أَحَدُهُمَا إِنِّي أَرَانِي أَعْصِرُ خَمْرًا ط

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan bersama Yusuf telah masuk dua orang pemuda ke dalam penjara (seorang pelayan minuman dan yang lain pelayan makanan raja). Berkata salah seorang di antara keduanya: Aku melihat di dalam mimpi, bahawa aku memeras anggur menjadi arak... (Yusuf, 12: 36)

Ungkapan (أعصر خمرا) dalam contoh 1 jika diterjemah secara literal bermaksud aku memerah arak. Perbuatan sebegini adalah tidak logik kerana yang boleh diperah ialah anggur, bukan arak. Al-Zamakhshari (1995: 2: 450) menjelaskan bahawa gaya bahasa sebegini adalah *majāz mursal* dari hubungan berkaitan dengan perkara yang akan berlaku. Al-Qazwini (t.t: 157) pula menjelaskan bahawa gaya bahasa ini berkaitan menyebut sesuatu perkara yang dinisbahkan kepada apa yang akan terhasil kemudiannya. Oleh itu, yang dimaksudkan di sini adalah memerah anggur untuk dijadikan arak kemudiannya.

Dapat diperhatikan daripada contoh 1 bahawa Mahmud Yunus cuba menzahirkan makna sebenar *majāz mursal* tersebut dengan terus menterjemah ungkapan tersebut kepada “bahawa aku memeras anggur menjadi arak...”. Ini menunjukkan pendekatan beliau dalam mentafsirkan ayat berkaitan majaz mursal pada ayat tersebut adalah bertepatan dengan kaedah strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (أعصر خمرا) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu (memeras anggur menjadi arak).

Contoh 2:

Firman Allah SWT:

﴿يَبْنَىءَ آءَءَمَ خُءُوَءَ زِيَتَتَكُمَّ عِنءَ كَلِّ مَسْءِءِءِ وُكَلُوْا وَاَشْرَبُوْا وَاَلَا تُسْرِفُوْا اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ
الْمُسْرِفِيْنَ﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Wahai anak Adam, pakailah perhiasanmu ketika setiap sembahyang. Makan dan minumlah, tetapi jangan berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak mengasihi orang yang berlebih-lebihan. (al-A'rāf, 7: 31).

Frasa (عند كل مسجد) dalam contoh 2 merupakan *majāz mursal* dari hubungan tempat (علاقة محلية), iaitu menyebut tempat (كل مسجد), sedangkan yang dimaksudkan adalah sesuatu yang mengambil fungsi tempat tersebut iaitu solat dan tawaf (Wahbah al-Zuhaili, 2009). Hal ini adalah kerana berdasarkan konteks penurunan ayat tersebut, masjid di sini merujuk kepada masjidil Haram di Mekah, di mana ia adalah tempat solat dan tawaf sekali.

Dapat diperhatikan daripada contoh 2 bahawa Mahmud Yunus cuba menjelaskan maksud yang dikehendaki daripada frasa (عند كل مسجد) kerana terjemahannya menzahirkan makna implisit melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu “ketika setiap sembahyang”. Namun, kajian ini berpandangan bahawa pendekatan ini kurang menepati makna yang ditafsirkan oleh jumhur ulama yang merujuk kepada solat dan tawaf sekaligus.

Contoh 3:

Firman Allah SWT:

اَكَاَنَ لِلنَّاسِ عَجَبًا اَنَّ اَوْحَيْنَا اِلَى رَجُلٍ مِّنْهُمْ اَنَّ اَنْذِرِ النَّاسَ وَبَشِّرِ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَنَّ لَهُمْ
قَدَمَ صِءْءِ عِنءَ رَبِّهٖمَّ ؕ قَالِ الْكٰفِرُوْنَ اِنَّ هٰذَا لَسَحْرٌ مِّنْ مَّبِيْنٍ ﴿٢٠﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Patutkah manusia takjub, kerana kami mewahyukan kepada seorang lelaki di antara mereka? (iaitu Berilah peringatan kepada manusia dan berilah khabar gembira orang-orang yang beriman, bahawa untuk mereka kelebihan yang tinggi di sisi Tuhan mereka...(Yunus, 10: 2).

Ayat 2 surah Yunus dalam contoh 3 mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada (أَنْ لَهُمْ قَدَمٌ صَدَقَ عِنْدَ رَبِّهِمْ). Kosa kata (قدم) bermaksud “tapak kaki” secara literalnya. Ungkapan tersebut ialah *majāz mursal* yang mempunyai hubungan alat (علاقة آليّة), iaitu amal soleh yang hendak dikerjakan hanya boleh diperolehi dengan usaha dan kudrat yang memerlukan alat pergerakan (Al-Baydhawi, 2003: 1: 427; al-Zamakhshyari, 1995: 2: 328). Masyarakat Arab menggambarkan usaha dengan (قدم) iaitu tapak kaki. Jika diterjemahkan secara literal sudah pasti makna tidak akan sepadan kerana sosiobudaya yang berbeza antara Arab dengan Melayu. Hal ini juga akan menyebabkan tidak selari dengan apa yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar.

Contoh 3 ini menunjukkan pendekatan Mahmud Yunus dalam mentafsirkan ayat majaz mursal tersebut adalah bertepatan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (أَنْ لَهُمْ قَدَمٌ صَدَقَ عِنْدَ رَبِّهِمْ) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu (bahawa untuk mereka kelebihan yang tinggi di sisi Tuhan mereka). Pendekatan sebegini boleh memandu pembaca bahasa sasaran ke arah memahami makna implisit yang terkandung dalam ungkapan *majāz mursal* tersebut dengan lebih jelas.

Contoh 4:

Firman Allah SWT:

وَوَهَبْنَا لَهُمْ مِنْ رَحْمَتِنَا وَجَعَلْنَا لَهُمْ لِسَانَ صِدْقٍ عَلِيًّا ۝

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan Kami kurniakan kepada mereka rahmat Kami dan Kami adakan untuk mereka pujian yang baik lagi masyhur. (Surah Maryam, 19: 50).

Contoh 5:

Firman Allah SWT:

وَأَجْعَلْ لِي لِسَانَ صِدْقٍ فِي الْآخِرِينَ ۝

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan jadikanlah bagiku pujian yang benar dalam (generasi) yang kemudian. (surah *al-Syu'arā'*, 26: 84)

Ayat 50 surah Maryam dalam contoh 4 mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada (وجعلنا لهم لسان صدق عليا). Manakala, ayat 84 surah *al-Syu'araa'* dalam contoh 5 pula mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada (واجعل لي لسان صدق في الآخرين). Frasa (لسان صدق) secara literalnya bermaksud “lidah yang benar”. Ungkapan tersebut ialah *majāz mursal* yang mempunyai hubungan alat (علاقة آلية), kerana sesuatu ujaran atau ucapan itu mesti menggunakan lidah sebagai alat untuk mengeluarkan apa pun ujaran atau ucapan.

Menurut al-Zamakhshari (1995: 3: 22), frasa (لسان صدق) dalam ayat 50 surah Maryam bermaksud pujian yang baik. Manakala, al-Zarkasyi (2001: 2: 282-283) pula menyatakan bahawa frasa (لسان صدق) dalam ayat 84 surah *al-Syu'araa'* bermaksud sebutan yang baik. Jika diterjemah secara literal sudah pasti makna tidak akan selari dengan apa yang ditafsirkan oleh kitab tafsir muktabar.

Dengan sebab itu, dalam kedua-dua ayat ini Mahmud Yunus menggantikan item teks sumber (لسان صدق) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu (pujian yang baik) dan (pujian yang benar). Ini menunjukkan pendekatan Mahmud Yunus dalam mentafsirkan kedua-dua ayat berkaitan majaz mursal adalah bertepatan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Contoh 6:

Firman Allah SWT:

وَيَقَوْمٌ مِّنْ يَّنصُرُنِي مِنَ اللَّهِ إِن طردتُّهُمْ أَفَلَا تَدَّكَّرُونَ ﴿٣٧﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Dan hendaklah kamu membuat bahtera dengan penjagaan dan wahyu Kami dan janganlah engkau bicarakan kepadaKu tentang orang-orang yang zalim, sesungguhnya mereka itu akan ditenggelamkan. (Hud, 11: 37)

Kosa kata (أعين) dalam ayat 37 surah Hud merupakan kata jamak bagi عين yang mana secara literal bermaksud mata. Secara retorik, ia merupakan *majāz mursal* dari hubungan alat (علاقة آلية) kerana menyebut alat iaitu mata, sedangkan yang dimaksudkan adalah kesan yang terhasil daripada mata iaitu pengawasan (al-Zamakhshari, 1995). Jika diterjemahkan secara literal, makna

perkataan tersebut tidak akan selaras dengan kehalusan retorik bahasa Arab. Keadaan ini juga boleh membawa kepada maksud yang tidak sepadan dengan penafsiran dalam kitab-kitab tafsir muktabar.

Dapat diperhatikan daripada contoh 6 bahawa pendekatan Mahmud Yunus dalam mentafsirkan ayat berkaitan majaz mursal adalah bertepatan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal iaitu menggantikan item teks sumber (أعين) dengan padanan yang lebih khusus berdasarkan maksud yang terdapat dalam bahasa sasaran iaitu (penjagaan) yang bermaksud pengawasan.

Contoh 7:

Firman Allah SWT:

إِذْ تَمْشِي أُخْتُكَ فَتَقُولُ هَلْ أَدُلُّكُمْ عَلَىٰ مَن يَكْفُلُهُ ۗ فَرَجَعْنَاكَ إِلَىٰ أُمِّكَ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۗ

Terjemahan Mahmud Yunus:

Ketika saudara perempuan (Maryam) berjalan, lalu dia berkata (kepada Firaun): Mahukah aku tunjukkan kepadamu, orang yang akan memeliharanya (menyusukan)? Lalu Kami kembalikanmu kepada ibumu, supaya senang hatinya dan tidak berdukacita... (Surah Ṭaha, 20: 40).

Contoh 8:

Firman Allah SWT:

فَرَدَدْنَاهُ إِلَىٰ أُمِّهِ كَيْ تَقَرَّ عَيْنُهَا وَلَا تَحْزَنَ ۗ وَلِتَعْلَمَ أَنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ ۚ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَهُمْ لَا يَعْلَمُونَ ۗ

Terjemahan Mahmud Yunus:

Maka Kami kembalikan Musa kepada ibunya, supaya gembira hatinya dan tidak lagi berduka-cita, dan supaya dia tahu, bahawa janji Allah itu benar, tetapi kebanyakan mereka tidak tahu. (Surah al-Qaṣas, 28: 13)

Contoh 7 dan 8 di atas mengandungi ungkapan *majāz mursal* pada frasa (تقر عينها), yang mempunyai hubungan sebahagian (علاقة جزئية), yakni menyebut

sebahagian tetapi merujuk kepada keseluruhan. Ini kerana kebahagiaan dan ketenangan tersebut tidaklah terletak pada mata (عين), tetapi di dalam jiwa. Jika ungkapan *majāz mursal* ini diterjemahkan secara literal sebagai "tetap matanya," maka maknanya tidak akan sejalan dengan prinsip retorik bahasa Arab, yang akhirnya akan mengakibatkan terjemahan gagal mencapai kesepadanan makna.

Dengan sebab itu, kita dapat perhatikan bahawa Mahmud Yunus mengemukakan makna implisit *majāz mursal* dalam kedua-dua ayat dalam contoh 7 dan contoh 8 tersebut dengan terus menterjemahkan ungkapan (تفرح) kepada senang hatinya dan gembira hatinya. Penterjemahan ini menepati maksud yang dinyatakan oleh para mufassir iaitu الفرح والسرور yang bermaksud kebahagiaan dan kegembiraan (Wahbah al-Zuhaili, 1991: 20: 62). Ini bermakna pendekatan Mahmud Yunus dalam mentafsirkan ayat berkaitan majaz mursal pada kedua-dua ayat tersebut adalah bertepatan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Contoh 9:

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قُمْتُمْ إِلَى الصَّلَاةِ فَاغْسِلُوا وُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ..... ﴿٦﴾

Terjemahan Mahmud Yunus:

Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu hendak mendirikan sembahyang, maka basuhlah mukamu dan kedua belah tanganmu sehingga dua siku... (Surah al-Māidah, 5: 6)

Ungkapan (إذا قمتم إلى الصلاة) merupakan *majāz mursal* yang mempunyai hubungan *musabbab* dengan menyebut kesan iaitu mendirikan solat (القيام إلى الصلاة), sedangkan yang dimaksudkan adalah punca yang boleh membawa kepada mendirikan solat iaitu kehendak atau keinginan untuk mendirikan solat (إرادة القيام إلى الصلاة) (al-Zamakhshari, 1995). Hal ini adalah kerana mustahil solat dapat didirikan tanpa diiringi terlebih dahulu dengan keinginan atau kehendak untuk melakukannya.

Daripada contoh 9 di atas kita dapat perhatikan bahawa Mahmud Yunus menzahirkan makna implisit yang terkandung dalam *majāz mursal*

tersebut dengan terus menterjemahkan ungkapan (إذا قمتم إلى الصلاة) kepada “apabila kamu hendak mendirikan sembahyang”. Ini menunjukkan pendekatan beliau dalam mentafsirkan ayat berkaitan majaz mursal pada ayat tersebut adalah bertepatan dengan strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal.

Rumusannya, sembilan data yang dikemukakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa Mahmud Yunus menggantikan unit makna umum yang terdapat dalam gaya bahasa majāz mursal al-Quran kepada unit makna khusus dalam bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu. Pendekatan ini secara jelas adalah bertepatan dengan bentuk pengkhususan leksikal yang terdapat dalam strategi eksplisitasi yang digagaskan oleh Klaudy dan Károly pada tahun 2005.

Dalam bidang pengajian Ulum al-Quran, para sarjana Islam lazimnya mengklasifikasikan kaedah terjemahan al-Quran kepada bahasa lain kepada tiga jenis: terjemahan harfiah, terjemahan lafziyyah dan terjemahan tafsiriyyah (Al-‘Abīd, 1418H). Jika dilihat dari sudut metode terjemahan dalam tradisi Islam, kaedah Mahmud Yunus ini adalah dalam kategori terjemahan tafsiriyyah.

Kajian ini berpandangan bahawa pendekatan, teori, kaedah dan prosedur terjemahan moden Barat wajar dimanfaatkan untuk menjadikan pengajian bahasa al-Quran lebih relevan dengan perkembangan semasa. Hal ini adalah kerana bidang pengajian terjemahan moden telah memperincikan lagi perbincangan tentang kaedah terjemahan dengan mengemukakan elemen teknikal dalam metodenya.

5. Kesimpulan

Hasil penilaian terhadap terjemahan *majaz mursal* al-Quran oleh Mahmud Yunus, berdasarkan metode Klaudy dan Károly, menunjukkan bahawa beliau sangat teliti dalam usaha mencapai kesepadanan makna serta ketepatan retorik dalam terjemahan. Melalui strategi eksplisitasi dengan bentuk pengkhususan leksikal ini, dapat dilihat bahawa Mahmud Yunus berusaha mempertahankan makna tersirat yang terdapat dalam bahasa sumber (iaitu bahasa Arab) agar sesuai dengan kehalusan retorik yang ada. Selain itu, Mahmud Yunus juga berjaya mengendalikan pilihan kosa kata dan struktur kalimat untuk menjaga aspek retorik dan estetika bahasa Arab dalam bahasa sasaran, sambil tetap mengutamakan pemahaman yang jelas bagi pembaca.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa Mahmud Yunus memainkan peranan yang sangat penting dalam menyampaikan makna tersirat yang terkandung dalam gaya bahasa majaz mursal al-Quran. Selain itu, kajian ini turut membuktikan bahawa strategi eksplisitasi melalui pengkhususan leksikal berkesan dalam menterjemahkan majaz mursal al-Quran ke bahasa

lain. Begitu juga dapat diperhatikan juga bahawa Mahmud Yunus tidak sepenuhnya bebas dalam menggunakan strategi ini, kerana beliau masih merujuk kepada pencerahan yang diberikan oleh para mufassir mengenai frasa majaz mursal tersebut.

6. Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UIS secara amnya, dan khususnya kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) serta Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI) yang telah memberikan peluang kepada penulis untuk melaksanakan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019 dengan kod penyelidikan KUIS/2019/GPIK-07/GPI/05 sepanjang tempoh dari 1 Disember 2019 hingga 30 November 2020.

Rujukan

- _____. *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____. (2015). *Kamus Kesusasteraan*. Md. Salleh Yaafar et al (pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul-Raof, H. (2001). *Quran Translation: Discourse, Texture and Exegesis*. Vol. 4. Cetakan 1. <https://doi.org/10.3366/jqs.2002.0008>.
- Abdullah, N. (2015). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: Tinjauan terhadap kesepadanan terjemahan kata ganti nama diri Arab-Melayu. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(3), 35–54. Dicapai daripada <http://www2.kuis.edu.my/jurnal-pengajian-islam>
- Abdullah, N. (2017). Kohesi dalam Tafsir Mahmud Yunus: Pemerhatian Terhadap Terjemahan Kata Ganti Nama Diri. dalam *prosiding 4th. International Seminar on Post Graduate Studies (SAPLI2017)*. 1-2 November 2017, De Palma Hotel, Shah Alam. Pusat Pengajian Siswazah. UIS. 316-330.
- Abdullah, N. (2019). Dhaya' al-Dalalat al-Majaziyyah fi Tarjamah Uslub al-Majaz al-Mursal al-Warid fi al-Quran al-Karim: Dirasat fi Ba'dhi al-Nusus al-Mutarjamah ila al-Lughah al-Malayuwiyyah. *Journal of Linguistic and Literary Studies*, Arabic Language Department, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, International Islamic University Malaysia. 10(2), December 2019, 44 - 64.
- Abdullah, N. (2020). Pengaruh Mazhab Fiqah al-Syafi'i: Analisis Terhadap Beberapa Teks Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: The Influence of al-Syafi'i School of Thought (Madzhab): An Analysis of Few of the Malay Translations of the Quranic Text. *Journal of Muwafaqat*, 3(2), 44-62. <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/73>
- Abdullah, N., & Samsudin, S. (2022). Perbandingan penterjemahan Majāz Mursal al-Quran antara Yayasan Restu dengan al-Hidayah House of Quran. *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 949-961. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.298>
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020a). Ketidaktepatan dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad,

- Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (53-61). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020b). Eksplisitasi dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. dalam Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali & Hasanah Katim @ Iksan. (Eds.), *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. (10-19). Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor (UIS).
- Abdullah, N. Samsudin, S dan Suliman, N.F. (2020c). Terjemahan Majāz Mursal: Satu Sorotan Literatur. dalam *Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference*. 26-28 Oktober 2020. Universiti Islam Selangor.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah Semantik dalam terjemahan Majāz Mursal al-Quran: analisis terhadap hubungan Musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>
- Ahmad Sunawari Long. (2016). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad, K., Mawardi, K., Maksun, A.M., Ariffin, S. dan Abdullah, M. (2012). Ketokohan Mahmud Yunus dalam bidang tafsir Al-Quran: Kajian terhadap kitab tafsir Qur'an Karim. In *The 2nd. Annual International Qur'anic Conference 2012*, 22-23 Feb 2012, University of Malaya.
- Ahmad, K. & Mawardi, K. (2014). Contributions of Mahmud Yunus to the Interpretation of the Quran. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 1(1) (Jan-April 2014), 87-101. doi: 10.15364/ris14-0101-05
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2006). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Al-'Abīd, Ali Sulaiman. (1418H). Tafsīr al-Qurān al-Karīm Uṣūluhu wa ḍawābiṭuhu. Maktabah al-Taubah.
- Al-Attas, S. M. A.-N. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu/Syed Muhammad Naquib al-Attas*. ABIM.
- Ammar Fadzil. (2008). *Anatomi al-Quran*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakri, S.A. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thaubiha al-Jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Al-Baydhawi, Nasir al-Din Abu Said Abdullah bin Omar bin Muhammad al-Syirazi. (2003). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Eficandra Masril, Mohd. Nasran Mohamad, Muhammad Adib Samsudin dan Anwar Fakhri Omar. (2013). Pemikiran Fiqh Mahmud Yunus. *Islamiyyat*, 35(1), 5-18. <https://ejournal.ukm.my/islamiyyat/article/view/4187>
- Eka Srimulyani. (2011). The Idea of Mahmud Yunus to Reform Arabic Teaching. *Jurnal Ilmiah Didaktika*, 12(1), (Ogos 2011), 1-17. <https://jurnal.ar-raniry.ac.id/index.php/didaktika/article/view/434/345>
- Hadi, N. (2015). Kontribusi al-Qur'an terhadap Perkembangan Bahasa Arab. *El-Furqania: Jurnal Ushuluddin Dan Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(01), 120-137.
- Halimah, A. M. (2014). Translation of the Holy Quran: a call for standardization. *Advances in Language and Literary Studies*, 5(1), 122–133.

- Hasan, D. C. (2007). Dari Bahasa Inggris Ke Bahasa Indonesia Dalam Karya Fiksi. *Linguistik Indonesia*, Tahun ke 25, No. 2, Ogos 2007, hlm 55-63.
- Heri Ruslan. (2012). *Jejak Penerjemahan Alquran di Dunia Barat. Khazanah*. [atas talian]: <https://www.republika.co.id/berita/m2mahv/jejak-penerjemahan-alquran-didunia-barat> (akses pada 29 Desember 2022).
- Hermawan, Acep. (2015). Penerjemahan Majaz Mursal dalam Alquran Terjemah Sunda Karya M.E. Hasim dan Pemda Jabar. *Disertasi*. Bandung: UIN Sunan Gunung Jati.
- Idris Mansor. (2016). Explication in the Translation into Malay of Arabic Technical Culture. dalam *Prosiding Seminar Terjemahan dan Interpretasi Kebangsaan*. 15-16 Oktober 2016. Universiti Sains Malaysia.
- Kaathi', Fallah Hassan. (2008). *Al-Takwiinaat al-Nahwiyyah li al-Majaz al-Mursal fi al-Quran al-Karim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. Cetakan 1.
- Klaudy, K. & Károly, K. (2005). Implication in Translation: Empirical Evidence for Operational Asymmetry in Translation. *Across Languages and Cultures*, 6(1), 13-28. <https://doi.org/10.1556/acr.6.2005.1.2>
- Larson, Mildred. (1989). *Penerjemahan Berdasarkan Makna: pedoman untuk Pemadanan Antarbahasa*. Terjemahan Kencanawati Tanirah. Jakarta: Arcan.
- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Klang Book Centre.
- Maher Bin Ghazali. (2023). Mabahith 'Ulum al-Quran fi Tafsir al-Maraghi wa Atharuha fi Bayan Ma'na. *RABBANICA Journal of Revealed Knowledge*, 4(2), 137-158. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/295/229>
- Murtisari, E. T. (2016). Explication in translation studies: The journey of an elusive concept. *Translation and Interpreting*, 8(2), 64-81. <https://doi.org/10.12807/ti.108202.2016.a05>
- Nasimah Abdullah & Mohamed Mohamed Zin. (2022). Sumbangan dan Pengaruh Tafsir al-Baghawi di Alam Melayu Nusantara. Dalam Bakar, S. A., Ramli, F. Z. M., Yama, P., Ahmad, Z. A. S., & Usman, A. H. (Eds.), *Apresiasi Ketokohan Ulama Tafsir dan Hadis Sepanjang Zaman*. Jilid 1 (Ketokohan Ulama Tafsir). (36-41). Bandar Seri Putra: Penerbit Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS).
- Purba, F. (2016). Pendekatan dalam Studi Al-Quran: Studi tentang Metode dan Pendekatan Al-Quran. *Jurnal As-Salam*, 1(2), 27-38.
- al-Qazwini, Muhammad ibn Abdul Rahman ibn Umar. (t.t.). *al-Iidah fi 'Ulum al-Balaghah*. Penyunting 'Ammad Basyuni Zaghlul. Beirut: Muasasah al-Kutub al-Thaqafiyah. Cetakan 3.
- Samsudin, S., Abdullah, N. & Suliman, N.F. (2020). Pengeksplicitan dalam Terjemahan gaya bahasa Majaz Mursal: Analisis dalam Surah al-Baqarah. Dalam *Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference (IRMIC2020)*. UIS. 334-342. 26-27 October 2020. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/e-proceedings/e-proceeding-irmic-2019/>
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. (2015). Analisis Makna Implisit Dan Eksplisit Dalam Penerjemahan Buku 'Rihlah Ibn Battutah' Ke Bahasa Melayu. *Tesis Sarjana Kedoktoran*. Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Yusuff, M. S. S., Manaf, M. R. A., Ahmad, M. T. A. C., & Mahadzir, A. H. (2021). Kritikan Terhadap Teks Karya Ma'alim al-Tanzil oleh Muhammad al-Husayn Al-Baghawi Dalam Tafsir Nur al-Ihsan. *International Journal of Advanced Research in Islamic and Humanities*, 3(4), 1-7.
- Yusuff, M. S. S., & Sahad, M. N. (2013). Bacaan Intertekstual terhadap Tafsir Nur Al-Ihsan: Satu Kajian Menurut Kaedah Paralel. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 7, 48-59.
- Wahbah Al-Zuhaili. (2009). *Tafsir Al-Munir*. Damsyiq, Syria: Dar al-Fikr.

- Wahbah al-Zuhaili (1991) *Tafsir Al-Munir*. Damsyiq, Syria: Dar al-Fikr.
- Zadeh, T. (2015). Quranic studies and the literary turn. *Journal of American Oriental Society*, 135(2), 329–342.
- Zainuddin, N. M., Abdullah, N., & Samsudin, S. (2023). Terjemahan Majaz Mursal al-Qur'an melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis Itibar Ma Kana. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6(3), 12-27. Dicapai daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/issue/view/23>
- Al-Zamakhsyari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Al-Zarkasyi, al-Imam Badr al-Din Muhammad ibn Abdullah. (2001). *Al-Burhan fi Ulum al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.